

# Lima jururawat pusat dialisis terima anugerah RCPJ

SUBANG JAYA 22 Okt. - Lima jururawat yang bertugas di pusat dialisis telah menerima Anugerah Perkhidmatan Vokasional Negeri Selangor daripada Kelab Rotary Petaling Jaya (RCPJ) hari ini.

Presiden RCPJ, Kapten H.S Dharan berkata, penganugerahan tersebut berdasarkan sumbangan atas perkhidmatan mereka sempena bulan vokasional antarabangsa.

"RCPJ telah memilih kelima-lima jururawat ini berdasarkan komitmen ketika merawat pesakit buah pinggang memandangkan jumlah jururawat yang mempunyai kemampuan rawatan dialisis di Malaysia sangat kurang.

"Anugerah ini diharap dapat dijadikan perangsang, dorongan serta aspirasi buat mereka supaya mengetahui perkhidmatan yang diberikan dihargai dan sangat penting ke-

pada pesakit buah pinggang," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

RCPJ yang merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berasaskan kebajikan dan kemasyarakatan yang bertanggungjawab menubuhkan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) untuk membantu pesakit kurang berkemampuan mendapatkan perkhidmatan perubatan.

Mereka yang menerima anugerah itu ialah Siti Fatimah Basir dari Pusat Dialisis NKF Petaling Jaya, Hazlina Helmi (Pusat Hemodialisis St. John Ambulance, Rawang), Rosmah Mohd. Said (Pusat Dialisis Rotary NKF Damansara), Siti Zamidah Muhammad (Pusat Dialisis MAA Medicare, Kajang) dan Sumathi Subramaniam (Pusat Hemodialisis St. John Ambulance, Banting).



**H.S DHARAN (tiga dari kanan) melihat sijil Anugerah Penghargaan Vokasional Negeri Selangor yang diterima oleh Hazlina Helmi sambil diperhatikan oleh penerima lain dalam majlis di Subang Jaya, Selangor, semalam.**